

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 11

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan cadangan Kerajaan untuk membina rumah mampu milik untuk Orang Asli yang bersesuaian dengan komuniti mereka.

JAWAPAN: [YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY], MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan membina rumah mampu milik untuk Orang Asli. Namun begitu, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) komited untuk memastikan kemudahan asas terutama keperluan rumah Orang Asli diberi perhatian sewajarnya. Peruntukan bagi pembinaan rumah kepada masyarakat Orang Asli diterima melalui peruntukan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) meliputi pembinaan rumah baru dan baik pulih rumah sedia ada di seluruh perkampungan Orang Asli di seluruh negara.

PPRT merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan luar bandar dalam memastikan kumpulan sasar (miskin dan miskin tegar) dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik. Mulai tahun 2016 – 2018, jumlah pembinaan rumah baru untuk masyarakat Orang Asli yang layak adalah sebanyak 282 buah rumah, manakala jumlah baik pulih rumah dalam tempoh yang sama adalah sebanyak 662 buah rumah.

Pada masa ini, JAKOA tertakluk kepada Garis Panduan dan Tatacara Pelaksanaan PPRT, SPKR yang dikeluarkan oleh KPLB yang meliputi semua komuniti di seluruh negara. Namun begitu, bagi meraikan kesesuaian rumah yang dibina dengan keperluan dan budaya masyarakat Orang Asli, beberapa perbincangan dengan pihak-pihak yang mempunyai kepakaran telah diadakan bagi meneliti rekabentuk rumah yang lebih sesuai. Satu kerangka kerja akan diaturkan bagi menilai pelaksanaan reka bentuk yang baharu agar program PPRT untuk masyarakat Orang Asli, mencapai objektif sebenar Kerajaan tanpa meminggirkan keperluan dan kebudayaan masyarakat Orang Asli sebagai penerima manfaat.

Sekian, terima kasih.